

**PEMBUKTIAN *ANIMUS OCCUPANDI* BAGI PENDUDUKAN BERKESAN  
(*EFFECTIVE OCCUPATION*) DI PULAU LAYANG-LAYANG:  
ANALISIS KE ATAS KES TERDAHULU**

Marja Azlima Omar  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,  
Universiti Malaysia Sabah, Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah  
Email: [mazlima@ums.edu.my](mailto:mazlima@ums.edu.my)

Corresponding author: [\\*mazlima@ums.edu.my](mailto:mazlima@ums.edu.my)  
Dihantar: 5 Januari 2026/ Diterima: 2 Februari 2026/ Terbit: 30 Jun 2026

**Abstrak**

Artikel ini meneliti keperluan membuktikan *animus occupandi* (niat dan kehendak untuk bertindak sebagai pemerintah berdaulat) sebagai salah satu unsur teras pendudukan berkesan bagi pemerolehan wilayah yang disifatkan *terra nullius*, dengan tumpuan kepada tuntutan Malaysia terhadap Pulau Layang-Layang (Swallow Reef). Melalui analisis kandungan ke atas keputusan penghakiman kes terdahulu dan penaakulan kehakiman yang membentuk ukuran pembuktian *animus occupandi*, artikel ini memperincikan bagaimana niat berdaulat dikenal-pasti dalam pertikaian wilayah. Tindakan kedaulatan yang dilaksanakan melalui deklarasi kedaulatan, peluasan undang-undang nasional, pemberian konsesi, dan tindakan pentadbiran autoriti negara yang "diperlihatkan secara aman dan berterusan ("*continuous and peaceful display of state authority*"). Artikel ini seterusnya menilai sama ada rangkaian tindakan Malaysia di Pulau Layang-Layang seperti pendudukan ketenteraan, pembinaan infrastruktur, kemudahan awam dan aktiviti ekonomi serta langkah pentadbiran boleh ditafsir sebagai bentuk manifestasi *animus occupandi* yang mencukupi berdasarkan keputusan penghakiman kes-kes terdahulu. Artikel ini juga menghujahkan bahawa pembuktian *animus occupandi* perlu disokong oleh dokumentasi amalan negara (dasar, strategi, rekod pentadbiran dan bahan arkib) yang lebih tersusun. Di samping itu, analisis juga perlu menitik-beratkan isu tarikh kritikal (*critical date*) dan nilai tindakan pasca-pertikaian. Kesimpulannya, *animus occupandi* ialah prasyarat normatif yang memandu penilaian ke atas kawalan berkesan; tanpa niat berdaulat yang jelas, pendudukan fizikal semata-mata tidak memadai untuk meneguhkan tuntutan kedaulatan.

**Kata kunci:** *animus occupandi*; pendudukan berkesan; *terra nullius*; Pulau Layang-Layang (Swallow Reef); kedaulatan wilayah

**Pembuktian *Animus Occupandi* Bagi Pendudukan Berkesan (*Effective Occupation*)  
Di Pulau Layang-Layang: Analisis Ke Atas Kes Terdahulu**

**Abstract**

This article examines the evidentiary burden of establishing *animus occupandi* i.e. the intention and will to act as a sovereign, as a core element of effective occupation for acquiring territory characterised as *terra nullius*, with particular attention to Malaysia's position on Layang-Layang Island (Swallow Reef). Using content analysis of leading decisions and judicial reasoning that have shaped the applicable threshold, the article clarifies how sovereign intention is inferred in territorial disputes, including through sovereignty proclamations, the extension of domestic law, the grant of concessions, and administrative acts demonstrating a "continuous and peaceful display of State authority." The article then assesses whether Malaysia's sequence of acts on Swallow Reef such as military presence, infrastructure development, and administrative & economic measures can be legally construed as sufficient manifestations of *animus occupandi* under the standards derived from prior cases. It further argues that proving *animus occupandi* requires more systematic documentation of state practice (policy instruments, strategy papers, administrative records, and archival materials), and careful treatment of the critical date doctrine and the probative value of post-dispute conduct. The article concludes that *animus occupandi* functions as a normative gateway to evaluating effective control: absent clear sovereign intent, physical presence alone is unlikely to consolidate a robust claim to territorial sovereignty.

Keywords: *animus occupandi*; effective occupation; *terra nullius*; Layang-Layang Island (Swallow Reef); territorial sovereignty

**Pengenalan**

Dalam undang-undang antarabangsa, terdapat beberapa kaedah pemerolehan wilayah seperti pendudukan (*occupation*), aneksasi, akresi, preskripsi dan penyerahan (*cession*). Walaupun setiap kaedah tersebut mempunyai wacana tersendiri, penulisan ini memfokuskan kepada kaedah pendudukan. Pendudukan ialah antara cara paling 'purba' bagi sesebuah negara memperoleh wilayah. Sejarah kolonialisme memperlihatkan bahawa pendudukan sering menjadi instrumen kuasa Barat untuk meluaskan pengaruh merentas benua (Mitchell, 2016). Jika amalan negara lampau ditelusuri, pendudukan kadangkala digunakan bagi 'mewajarkan' tindakan negara yang pada hakikatnya menyerupai pencerobohan dan pengambilalihan, khususnya terhadap wilayah yang tidak mempunyai struktur pemerintahan formal, walaupun mungkin didiami komuniti dan mempunyai penduduk tetap (*Mabo v Queensland*, 1992). Bentuk pendudukan sebegini sering dikaitkan dengan penaklukan (*conquest*) dan lazimnya dilakukan melalui penguasaan ketenteraan. Aneksasi melalui penaklukan pernah dianggap tidak menyalahi undang-undang pada abad ke-19 ketika negara tidak dilarang untuk berperang; dalam keadaan tersebut, negara yang tewas akan menyerahkan wilayah kepada pihak yang menang (Malanczuk, 1997).

## **Pembuktian *Animus Occupandi* Bagi Pendudukan Berkesan (*Effective Occupation*) Di Pulau Layang-Layang: Analisis Ke Atas Kes Terdahulu**

Namun, pendudukan melalui penaklukan tidak lagi sah dan dilarang sama sekali di bawah undang-undang antarabangsa. Larangan ini dizahirkan melalui Deklarasi Prinsip-prinsip Undang-undang Antarabangsa Mengenai Hubungan Mesra dan Kerjasama antara Negara (Resolusi Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu 2625) yang diterima pakai pada 24 Oktober 1970. Sejalan dengannya, Artikel 2(4) Piagam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu menegaskan bahawa penggunaan kekerasan atau ancaman penggunaan kekerasan merupakan cara pemerolehan wilayah yang tidak sah.

Dalam konteks Malaysia dan tuntutan terhadap Pulau Layang-Layang, tuntutan tersebut dikemukakan melalui penerbitan peta rasmi yang menggambarkan pelantar benua dan Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE) yang memanjang sehingga ke bahagian paling selatan Kepulauan Spratly (Roach, 2014). Malaysia turut menjelaskan bahawa tuntutannya berasaskan peruntukan Artikel 76 hingga 85 Konvensyen Undang-undang Laut 1982 (UNCLOS), khususnya berkaitan pelantar benua dan faktor kedekatan geografi. (Hasan & He, 2019). Pendekatan Malaysia menekankan sifat *terra nullius* sebagai ciri pulau tersebut sebelum tuntutan dibuat (Hasan & He, 2019). Dalam undang-undang antarabangsa, *terra nullius* ialah frasa Latin yang merujuk kepada kawasan atau wilayah yang tidak dimiliki oleh mana-mana pihak; justeru, negara yang pertama menemui kawasan tersebut boleh mendakwa telah memperolehnya. Dengan menyifatkan ciri pulau yang dipertikaikan sebagai *terra nullius*, Malaysia pada asasnya memilih pendudukan sebagai kaedah pemerolehan wilayah. Asas ini lazimnya diujahkan secara serentak dengan asas kedekatan geografi seperti yang diperuntukkan di bawah UNCLOS.

Malaysia sebelum ini berulang kali menyatakan bahawa peruntukan relevan UNCLOS menjadi asas tuntutannya. UNCLOS, sebagai perjanjian yang mengikat secara undang-undang antara negara pihak, merupakan sumber undang-undang antarabangsa yang penting. Statut Mahkamah Keadilan Antarabangsa (Statute of International Court of Justice), melalui Artikel 38(1), menyenaraikan sumber formal undang-undang antarabangsa termasuk perjanjian atau konvensyen antarabangsa di bawah Artikel 38(1)(a).

Artikel ini menghujahkan bahawa jika Malaysia mengemukakan pendudukan berkesan (*effective occupation*) sebagai kaedah pemerolehan wilayah *terra nullius*, Malaysia perlu membuktikan dua unsur pendudukan berkesan, dan salah satu daripadanya ialah *animus occupandi*. Untuk tujuan tersebut, penulisan ini mempunyai tiga objektif: (i) menyorot bagaimana *animus occupandi* ditentukan dalam kes-kes terdahulu melalui analisis kandungan keputusan mahkamah; (ii) menilai sama ada Malaysia telah melaksanakan tindakan kerajaan yang mencukupi bagi memenuhi unsur *animus occupandi* mengikut garis ukuran yang terbentuk daripada kes-kes tersebut; dan (iii) mencadangkan aspek-aspek lain yang wajar dipertimbangkan dalam mendokumentasikan bukti amalan negara (*state practice*) yang boleh menyokong *animus occupandi*, seterusnya membawa kepada pendudukan berkesan Malaysia terhadap Pulau Layang-Layang. Pada bahagian penutup, artikel ini turut menilai kekuatan serta kelemahan pendekatan pendudukan sebagai kaedah pemerolehan wilayah bagi tanah/wilayah *terra nullius*.

### **Metodologi Penyelidikan**

Penulisan ini berasaskan analisis kandungan (*content analysis*) terhadap kes-kes terdahulu yang telah diputuskan dan, pada tahap tertentu, boleh dikatakan turut

## **Pembuktian *Animus Occupandi* Bagi Pendudukan Berkesan (*Effective Occupation*) Di Pulau Layang-Layang: Analisis Ke Atas Kes Terdahulu**

menggunakan penyelidikan undang-undang doktrinal. Dalam bidang undang-undang, penyelidikan doktrinal merupakan genre penyelidikan tradisional yang mapan.

Dalam pertikaian kedaulatan wilayah, "animus occupandi" jarang terbukti melalui satu dokumen tunggal; sebaliknya, ia lazimnya **diinferenskan** daripada corak tindakan negara yang konsisten dan boleh diaudit (auditable). Ini bermaksud analisis doktrinal perlu menilai bukan sahaja *apa* tindakan yang berlaku, tetapi juga **fungsi undang-undang** tindakan tersebut: adakah ia bersifat *sovereign act* (misalnya peluasan undang-undang, tindakan pentadbiran, konsesi/permit, penguatkuasaan) atau sekadar aktiviti faktual yang neutral. Oleh itu, artikel ini wajar membezakan (i) bukti yang membuktikan **niat berdaulat** (unsur subjektif) dan (ii) bukti yang menunjukkan **perlaksanaan autoriti** (unsur objektif), sebelum keduanya "dibaca bersama" sebagai satu rangkaian effectivities yang menyokong pendudukan berkesan.

Bagi menentukan bagaimana *animus occupandi* dibuktikan dalam kes-kes terdahulu, teks penghakiman mahkamah diteliti untuk mengenal pasti prinsip undang-undang utama yang seterusnya berfungsi sebagai 'perimeter' dalam pembuktian animus occupandi. Pendekatan ini seiring dengan pandangan Mahdi Zahraa yang menegaskan bahawa penyelidikan undang-undang ialah kajian yang sistematik dan investigatif terhadap fakta/data atau konsep teoritikal prinsip dan peraturan bagi isu undang-undang tertentu, dengan tujuan penemuan, semakan dan penambahbaikan konsep, teori, prinsip serta aplikasi berkaitan (Mahdi Zahraa, 1998).

### **Unsur Pendudukan Berkesan**

Prinsip undang-undang antarabangsa yang mantap menetapkan bahawa bagi pendudukan berkesan terhadap wilayah terra nullius berlaku, dua unsur perlu dipenuhi. Kegagalan memenuhi mana-mana unsur akan menjadikan pendudukan tidak berkesan dan wilayah tidak diperoleh melalui kaedah tersebut. Unsur pertama ialah kehendak dan niat untuk bertindak sebagai pemerintah berdaulat (*animus occupandi* atau *animus possidendi*) dan unsur kedua ialah kawalan berkesan (*effective control*) yang sering dirumuskan sebagai tindakan pentadbiran autoriti negara yang "diperlihatkan secara aman dan berterusan" ("*continuous and peaceful display of State authority*") (Hamid, 2007). Skop perbincangan artikel ini terhad kepada unsur pertama, iaitu *animus occupandi*.

Dalam kes-kes terdahulu, pemerolehan wilayah yang dianggap *terra nullius* telah dilihat sebagai pendudukan dan bukannya penaklukan. Hakim Brennan mengemukakan pemerhatian tersebut dalam kes Mabo Iwn State of Queensland. Menurut beliau, undang-undang antarabangsa mengiktiraf penaklukan, penyerahan dan pendudukan wilayah *terra nullius* sebagai antara cara berkesan memperoleh kedaulatan. Penemuan Eropah pada era pelayaran kuasa besar Eropah membuka prospek kepada kuasa kolonial Eropah untuk menduduki wilayah baharu yang telah didiami, dan doktrin *terra nullius* diterapkan kepada 'wilayah masyarakat yang dianggap mundur', membolehkan pemerolehan kedaulatan melalui pendudukan berbanding penaklukan.

Seiring dengan peredaran masa, tanah/wilayah permukaan bumi semakin terhad akibat faktor semula jadi dan aktiviti manusia. Oleh itu, 'tanah tidak bertuan' semakin jarang ditemui pada masa kini berbanding abad ke-16 ketika banyak wilayah belum diterokai (Hamid, 2007). Dalam keadaan lampau, pembuktian pendudukan

## **Pembuktian *Animus Occupandi* Bagi Pendudukan Berkesan (*Effective Occupation*) Di Pulau Layang-Layang: Analisis Ke Atas Kes Terdahulu**

berkesan kurang menuntut kerana 'penemuan semata-mata' boleh memadai untuk melahirkan hakmilik belum sempurna (*inchoate title*) (Hamid, 2007). Ini bermaksud negara yang menemui wilayah tersebut mungkin memiliki kedaulatan tanpa melaksanakan tindakan pendudukan selepas penemuan.

Walau bagaimanapun, bagi *terra nullius* pada era moden, tahap pendudukan yang perlu dibuktikan berbeza mengikut sifat dan ciri wilayah. Memandangkan wilayah *terra nullius* baharu hampir tidak wujud, penemuan sahaja tidak lagi mencukupi, khususnya bagi wilayah yang didiami. Faktor seperti lokasi geografi, saiz serta keadaan iklim turut mempengaruhi tahap pembuktian. Daripada kes-kes seperti *Clipperton Island Arbitration* (France v Mexico, 1932) dan *the Island of Palmas* (Netherlands v US, 2006), boleh disimpulkan bahawa pendudukan berkesan lebih mudah dibuktikan bagi wilayah tidak berpenduduk dan tidak subur (kategori pertama) berbanding wilayah yang didiami komuniti pribumi (kategori kedua). Bagi kategori kedua, penempatan pasukan tentera/kuasa bersenjata sering dianggap perlu, manakala bagi kategori pertama, bergantung pada keadaan, penemuan boleh dianggap memadai (Malanczuk, 1997).

### **Animus occupandi dalam Kes Terdahulu**

Walaupun doktrin '*binding precedent*' tidak terpakai dalam sistem undang-undang antarabangsa (Guillaume, 2011; Stevens, 2018), kes-kes terdahulu Mahkamah Keadilan Antarabangsa (International Court of Justice ICJ) serta kes Mahkamah Keadilan Antarabangsa Tetap (Permanent Court of Justice - PCIJ) tetap mempunyai autoriti persuasif (*persuasive authority*) yang tinggi. Hakim-hakim sering merujuk rasional perundangan kes-kes lepas sebagai sandaran dalam penghakiman semasa. Walaupun rujukan tersebut tidak semestinya mengikuti bentuk *ratio decidendi* dan *obiter dictum* seperti mahkamah domestik, penghakiman lampau kerap membentuk intipati penaakulan undang-undang bagi menyokong keputusan. Selain itu, keputusan kehakiman terdahulu merupakan sumber formal undang-undang antarabangsa (sekunder) di bawah Artikel 38(1)(d) Statut ICJ, bersama-sama penulisan sarjana terkemuka. Justeru, analisis keputusan terdahulu wajar diberi perhatian bagi mengukuhkan hujah Malaysia tentang *animus occupandi* di Pulau Layang-Layang.

Dalam dan kes *Clipperton Island Arbitration* (France v Mexico, 1932) dan *Eastern Greenland* (Denmark v Norway, 1933), mahkamah/tribunal menegaskan bahawa kedaulatan yang didakwa mesti ditunjukkan dengan kehendak atau niat untuk bertindak sebagai pemerintah (*animus occupandi*). Dengan manifestasi kehendak tersebut, barulah sesebuah negara dianggap sedang melaksanakan autoriti di wilayah yang dipertikaikan. Disebabkan sifat geografi Pulau Clipperton dan Greenland Timur, pelaksanaan tindakan autoritatif secara meluas tidak praktikal; namun, dalam keadaan sedemikian, negara perlu mengimbangi kekangan tersebut dengan memperlihatkan niat yang mencukupi melalui kaedah lain.

Dalam kes *Clipperton Island Arbitration*, penerbitan notis berhubung kedaulatan dalam jurnal tertentu dianggap memadai untuk menunjukkan niat bertindak sebagai pemerintah. Dalam kes *Eastern Greenland* pula, deklarasi Denmark bahawa undang-undang nasionalnya terpakai di seluruh Greenland dianggap sebagai niat yang diperlihatkan secara jelas untuk bertindak sebagai pemerintah.

## **Pembuktian *Animus Occupandi* Bagi Pendudukan Berkesan (*Effective Occupation*) Di Pulau Layang-Layang: Analisis Ke Atas Kes Terdahulu**

Kes *Clipperton Island Arbitration* melibatkan pertikaian antara Perancis dan Sepanyol mengenai sebuah pulau kecil tidak berpenduduk di Lautan Pasifik. Pulau itu ditemui pada 17 November 1858 oleh kapal tentera laut Perancis dan pegawai kapal memaklumkan Konsulat Perancis di Honolulu. Konsulat seterusnya memaklumkan Kerajaan Hawaii dan menerbitkan deklarasi kedaulatan Perancis dalam jurnal tempatan. Selepas itu, Kerajaan Perancis tidak melakukan banyak tindakan autoritatif di pulau tersebut. Pada 1897, sebuah kapal bersenjata Mexico tiba dan menaikkan bendera Mexico dengan alasan Mexico mewarisi pulau daripada Sepanyol sebagai negara pengganti (*successor state*) sejak 1836. Penimbang tara memutuskan pulau tersebut adalah *terra nullius* ketika ditemui oleh Perancis kerana Sepanyol gagal membuktikan penemuan sebelum 1858; oleh itu, pulau tersebut terbuka kepada pendudukan Perancis.

Dalam kes *Clipperton Island Arbitration* adalah penting untuk meneliti bagaimana pihak penimbang tara memutuskan bahawa Perancis telah membuktikan *animus occupandi*. Setelah Penimbang tara mendapati pulau yang menjadi pertikaian itu tidak berpenduduk, negara yang menuntut tidak perlu mewujudkan struktur pemerintahan dan penguatkuasaan undang-undang yang komprehensif di pulau tersebut. Penimbang tara menyatakan bahawa bagi wilayah yang sepenuhnya tidak berpenghuni, bermula ketika negara pendudukan 'muncul' di wilayah itu dan wilayah berada pada di posisi mutlak dan tidak dipertikaikan, tindakan mengambil milik dianggap telah terlaksana dan pendudukan selesai. Dengan itu, Pulau Clipperton diperoleh secara sah oleh Perancis. Kes ini menunjukkan *animus occupandi* dapat dibuktikan dengan lebih 'mudah' kerana sifat wilayah yang tidak berpenduduk. Brownlie mengulas bahawa suatu 'aneksasi simbolik' (*symbolic annexation*) telah berlaku melalui penerbitan deklarasi kedaulatan yang mempunyai kesan undang-undang (Brownlie, 2003).

Satu lagi kes penting melibatkan wilayah *terra nullius* tidak berpenduduk ialah kes *Eastern Greenland* (1933), pertikaian antara Norway dan Denmark yang diputuskan oleh PCIJ. Denmark mencabar proklamasi pendudukan Norway sebagai tidak sah dan melanggar keadaan undang-undang sedia ada. Denmark juga mendakwa telah mempamerkan serta melaksanakan autoriti berdaulat ke atas seluruh Greenland, khususnya kerana tiada tuntutan negara lain sehingga 1931. PCIJ memutuskan memihak kepada Denmark dan menekankan bahawa ketiadaan tuntutan pihak lain sehingga 1931 serta dokumen-dokumen konsesi perdagangan, pemburuan dan perlombongan menunjukkan Raja Denmark berada dalam kedudukan memberikan monopoli yang sah di pantai timur Greenland. PCIJ turut menganggap konsesi pembinaan talian telegraf dan perundangan yang menetapkan had perairan wilayah (1905) sebagai manifestasi pelaksanaan autoriti berdaulat.

Bagi kawasan yang jarang didiami atau wilayah yang didiami, darjah pembuktian *animus occupandi* adalah lebih tinggi kerana penemuan semata-mata tidak mencukupi. Prinsip ini digambarkan melalui kes *Island of Palmas* (Miangas) antara Amerika Syarikat dan Belanda (1920). Pulau tersebut terletak berhampiran Filipina (kira-kira 50 batu tenggara Mindanao), mendorong AS berhujah bahawa pulau itu diserahkan kepada AS sebagai sebahagian Kepulauan Filipina melalui Perjanjian Paris 1898 antara AS dan Sepanyol. Belanda pula menegaskan pulau itu berada dalam pemilikan Syarikat Hindia Timur Belanda sejak 1677. Pulau itu berukuran kecil (lebar kurang daripada satu batu dan panjang dua batu) dan ketika kes dibawa ke timbang tara, penduduknya dianggarkan kurang daripada 1,000 orang.

## **Pembuktian *Animus Occupandi* Bagi Pendudukan Berkesan (*Effective Occupation*) Di Pulau Layang-Layang: Analisis Ke Atas Kes Terdahulu**

Penimbang tara, Max Huber, menganugerahkan kedaulatan kepada Belanda kerana Belanda menunjukkan niat bertindak sebagai pemerintah dan pada masa yang sama mempamerkan autoriti negara secara berterusan, aman dan tidak terganggu. AS berhujah bahawa ia mewarisi pulau daripada Sepanyol yang menemuinya (*Netherlands v US*, 2006). Namun, kelemahan hujah AS ialah penemuan tanpa tindakan susulan tidak lagi memadai untuk membuktikan kedaulatan, khususnya bagi pulau yang didiami secara tetap (*Netherlands v US*, 2006). Penimbang tara menyatakan bahawa bagi pulau berpenduduk, adalah sukar untuk memperlihatkan kedaulatan secara aman dan berterusan sekiranya tiada tindakan pentadbiran awam untuk tempoh yang panjang. Huber turut menegaskan bahawa sekalipun penemuan Sepanyol melahirkan hakmilik, ianya hanya bersifat *inchoate* (sementara dan belum muktamad) dan perlu diperkukuh dengan pendudukan berkesan. Sepanyol dianggap telah 'meninggalkan' pulau itu cukup lama sehingga membolehkan Belanda mentadbir dan seterusnya menggantikan kedaulatan Sepanyol (Malanczuk, 1997).

Satu lagi prinsip penting ialah *animus occupandi* mesti dilaksanakan oleh autoriti negara, bukan semata-mata melalui tindakan individu persendirian atau syarikat kolonial. Perkara ini diperjelas melalui kenyataan Hakim McNair dalam kes *Anglo-Norwegian Fisheries* bahawa aktiviti bebas individu persendirian tidak bernilai kecuali dapat dibuktikan mereka bertindak berdasarkan autoriti kerajaan atau kerajaan telah menegaskan bidang kuasa melalui mereka.

Secara keseluruhan, analisis kes-kes terdahulu menunjukkan beberapa perkara penting mengenai animus occupandi: Pertama, tahap pembuktian berbeza mengikut sifat wilayah *terra nullius*; kedua, bagi wilayah tidak berpenduduk, penemuan boleh melahirkan hakmilik *inchoate*, namun hakmilik tersebut mesti diperkukuh dengan tindakan berdaulat; ketiga, bagi wilayah didiami, *animus occupandi* memerlukan tindakan kedaulatan yang nyata; dan keempat, tindakan individu persendirian atau syarikat kolonial tidak memadai untuk membentuk animus occupandi tanpa sandaran autoriti negara.

### ***Animus occupandi* Malaysia di Pulau Layang-Layang**

Pada masa ini, Pulau Layang-Layang (juga dikenali sebagai Swallow Reef) menjadi subjek tuntutan bertindih antara Malaysia dan beberapa negara lain seperti Filipina, Vietnam, Taiwan dan China (Nasir & Dahalan, 2017a). Sifat geografinya sering dibandingkan dengan Pedra Branca/Pulau Batu Putih kerana pada asalnya ia merupakan ciri batuan/terumbu yang tidak mampu menyokong penempatan manusia mahupun aktiviti ekonomi (Nasir & Dahalan, 2017b). Kerajaan Malaysia kemudiannya menjalankan aktiviti tebus guna (*landfill*) sehingga bentuknya menyerupai pulau yang berkeupayaan menyokong aktiviti ekonomi dan kehidupan manusia (Nasir & Dahalan, 2017b).

Malaysia sejak sekian lama menganggap Pulau Layang-Layang termasuk dalam lingkungan tuntutan bidang kuasa ZEE dan pelantar benuanya (Roach, 2014). Seseengah sarjana berpandangan tuntutan Malaysia lemah, khususnya apabila dipersoalkan kesahan sistem garis pangkal lurus tersirat yang digunakan untuk mengukur had pelantar benua. Keadaan menjadi lebih kompleks kerana terdapat jurang dalam UNCLOS yang tidak menyediakan peruntukan khusus untuk mengatur situasi 'terumbu yang ditukar menjadi pulau buatan'.

## **Pembuktian *Animus Occupandi* Bagi Pendudukan Berkesan (*Effective Occupation*) Di Pulau Layang-Layang: Analisis Ke Atas Kes Terdahulu**

Jika Malaysia memilih untuk menegaskan tuntutan berdasarkan kaedah pendudukan wilayah *terra nullius*, wajar dinilai sama ada Malaysia telah memadai dari segi; pertama: *animus occupandi* dan kedua: kawalan berkesan. Artikel ini memfokuskan hanya kepada *animus occupandi*, iaitu niat dan kehendak bertindak sebagai pemerintah.

Pendudukan berkesan lazimnya dibuktikan melalui pendudukan fizikal dan niat bertindak sebagai pemerintah (*animus occupandi*) (Hamid, 2007). Sejak 1978, terdapat rekod bahawa Malaysia melaksanakan aktiviti yang menunjukkan pendudukan fizikal, bermula dengan pendaratan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM/Royal Malaysian Navy - RMN) di Amboyna Cay bagi tujuan meletakkan penanda (Ahmad & Mohd Sani, 2017). Tindakan awal ini berlaku sebelum penerbitan Peta Baru Malaysia pada 20 September 1979. Selepas peta diterbitkan, bantahan daripada negara penuntut lain mula disampaikan.

Untuk mengelakkan hujah *animus occupandi* bersifat deskriptif semata-mata, adalah berguna untuk mengikat "tarikh kritikal" kepada garis masa tindakan yang telah direkodkan. Secara metodologinya, tarikh kritikal bagi pertikaian seperti ini lazimnya boleh dioperasikan (operationalised) melalui salah satu penanda: (a) tarikh tindakan rasmi negara yang "memformalkan" tuntutan (misalnya penerbitan peta/koordinat/undang-undang yang memperluas bidang kuasa), atau (b) tarikh bantahan diplomatik yang pertama dan jelas daripada negara penuntut lain. Dengan meletakkan tindakan Malaysia (pendaratan, pembinaan struktur, penubuhan garnisun, pembinaan landasan udara, dan langkah pentadbiran lain) di sekitar penanda tersebut, analisis boleh membezakan mana-mana tindakan yang benar-benar menunjukkan niat berdaulat *sebelum* pertikaian memuncak, berbanding tindakan yang mungkin hanya mengukuhkan naratif selepas bantahan wujud. Pemisahan ini penting kerana ia terus mempengaruhi berat (weight) bukti *animus occupandi* yang hendak dibina.

Walaupun Malaysia bertindak pada 1978, Amboyna Cay kini diduduki Vietnam (Ahmad & Mohd Sani, 2017). Bagi Swallow Reef, aktiviti penting pertama direkodkan ialah pembinaan monumen pertama yang dikenali sebagai Stesen Lima pada 21 Jun 1980 (Nasir & Dahalan, 2017b). Pada peringkat awal, kawasan itu dikawal oleh 18 anggota PASKAL (Pasukan Khas Laut) (Nasir & Dahalan, 2017b).

Rekod seterusnya menunjukkan Malaysia menghantar TLDM untuk menduduki terumbu itu dan menubuhkan garnisun ketenteraan; pada 1986, pembinaan landasan udara bermula. Pelbagai aktiviti lain turut dijalankan seperti pembinaan kemudahan pelancongan, penubuhan stesen penyelidikan marin dan sains, serta pengenalan poskod khusus bagi pulau. Jadual 1 menunjukkan ringkasan usaha Malaysia yang telah dilaksanakan di Pulau Layang-Layang.

**Pembuktian *Animus Occupandi* Bagi Pendudukan Berkesan (*Effective Occupation*)  
Di Pulau Layang-Layang: Analisis Ke Atas Kes Terdahulu**

**Jadual 1: Ringkasan Pelaksanaan Usaha Malaysia di Pulau Layang-Layang**

<i>Tahun</i>	<i>Activiti</i>
1983	<ul style="list-style-type: none"><li>• Pendudukan oleh pasukan khas TLDM</li><li>• Penubuhan garnisun ketenteraan</li></ul>
1986	<ul style="list-style-type: none"><li>• Pembinaan Stesen TLDM `Lima</li><li>• Pembinaan landasan udara</li></ul>
1991	<ul style="list-style-type: none"><li>• Pembinaan pusat peranginan aktiviti selaman</li></ul>
2004	<ul style="list-style-type: none"><li>• Pembukaan Marine Research Station Pulau Layang-Layang (MARSAL)</li></ul>
2015	<ul style="list-style-type: none"><li>• Pelancaran poskod untuk pulau</li></ul>

Sumber: Diubahsuai dari Mohammad Zaki Ahmad, and Mohd Azizuddin Mohd Sani. "China's Assertive Posture in Reinforcing Its Territorial and Sovereignty Claims in the South China Sea: An Insight into Malaysia's Stance." *Japanese Journal of Political Science*, vol. 18, no. 1, 2017, ms. 67-105, 73.

Memandangkan Swallow Reef pada awalnya merupakan ciri berbatu tanpa vegetasi dan didominasi pasir serta terumbu karang, pembentukan tanah kekal berlaku secara ketara selepas tebus guna, sehingga memungkinkan pertumbuhan tumbuhan dan kewujudan kemudahan seperti rumah api dan kawasan kediaman. Jika ia dianggap *terra nullius* yang tidak berpenduduk ketika Malaysia mula bertindak, rangkaian tindakan tersebut menunjukkan niat dan kehendak untuk bertindak sebagai pemerintah (Ahmad & Mohd Sani, 2017). Adalah perlu untuk menekankan bahawa dari sudut pembuktian undang-undang, penting untuk Malaysia menunjukkan bahawa tindakan-tindakan tersebut bukan bersifat kebetulan, tetapi merupakan usaha yang purposif dan tersusun sebagai strategi kedaulatan.

Niat (unsur subjektif) ini lazimnya dibuktikan melalui dasar, strategi atau dokumen kerajaan yang menjelaskan rasional tindakan sebagai sebahagian daripada usaha untuk memperlihatkan kuasa berdaulat. Bukti tambahan dalam bentuk amalan negara di peringkat domestik perlu digembleng untuk menyokong *animus occupandi* dan kawalan berkesan. Dokumen strategi/polisi mungkin wujud khususnya dalam era pentadbiran Tun Mahathir Mohamad (1981-2003) dan Najib Tun Razak (2009-2018), namun kekangan kerahsiaan boleh menjadi limitasi kepada akses akademik, dan hal ini turut menjadi kekangan dalam penulisan ini.

Selaras dengan itu, pembuktian animus occupandi akan lebih kukuh jika disusun sebagai *dossier* amalan negara yang bertaraf bukti: misalnya rekod keputusan pentadbiran, surat-menyurat antara agensi, minit mesyuarat keselamatan/strategik yang boleh didedahkan, pewartaan atau arahan pentadbiran, rekod peruntukan belanjawan, serta bahan arkib kolonial yang menunjukkan status awal wilayah sebagai terra nullius. Pendekatan ini menjadikan hujah animus bukan sekadar "naratif tindakan", tetapi satu pembuktian yang tersusun iaitu ianya lebih serasi dengan logik adjudikasi pertikaian wilayah dan memenuhi kehendak *continuous and peaceful display of state authority*.

## **Pembuktian *Animus Occupandi* Bagi Pendudukan Berkesan (*Effective Occupation*) Di Pulau Layang-Layang: Analisis Ke Atas Kes Terdahulu**

Selain itu, *beban pembuktian* animus occupandi juga sering memerlukan penelusuran tindakan sebelum kewujudan Malaysia, khususnya semasa pentadbiran British di North Borneo. Untuk menyokong hujah bahawa kawasan itu benar-benar *terra nullius*, Malaysia perlu meneliti bukti penemuan dan aktiviti pentadbiran ketika era British. Rekod arkib menunjukkan bahawa selepas Malaysia dibentuk, hal-hal berkaitan Amboyna Cay dan Swallow Reef diletakkan di bawah bidang kuasa Jabatan Geologi Sabah. Terdapat juga rekod Arkib British Geological Survey mengenai tinjauan kawasan sebelum 1963. Di samping itu, sempadan Sabah/North Borneo pernah mengalami perubahan dengan persetujuan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Ratu United Kingdom atas nasihat Privy Council berdasarkan Colonial Boundaries Act 1895. Kesemua bahan arkib tersebut wajar diterokai untuk menyokong, jika tidak memperkukuh, *animus occupandi* Malaysia di Pulau Layang-Layang.

### **Kesimpulan**

Kaedah pendudukan wilayah *terra nullius*, jika berjaya dibuktikan, lazimnya akan memberikan negara penuntut gelaran kedaulatan yang eksklusif. Namun, dalam konteks Pulau Layang-Layang dan Kepulauan Spratly secara umum, beberapa negara turut mengemukakan tuntutan berasaskan pendudukan terhadap wilayah yang didakwa sebagai *terra nullius*, termasuk China. Ini mewujudkan tuntutan bertindih dan antara beberapa buah negara. Dalam persaingan tersebut, negara yang dapat membuktikan penemuan paling awal dan paling meyakinkan, disertai *animus occupandi* yang jelas serta kawalan berkesan, berpotensi berada pada kedudukan yang lebih kukuh untuk menuntut kedaulatan.

Pendudukan berkesan ialah konsep relatif yang bergantung pada sifat wilayah dan kedaulatan yang diperlihatkan secara berterusan. *Inchoate title* yang mungkin wujud selepas penemuan perlu diperkukuh melalui tindakan kerajaan dalam tempoh masa yang munasabah. Ini memerlukan bukti yang kredibel dalam pelbagai bentuk yang menunjukkan amalan negara dan pentadbiran berdaulat. Dalam kes *Nicaragua Iwn Colombia*, mahkamah menyenaraikan beberapa tindakan yang boleh dianggap sebagai tindakan berdaulat, antaranya rondaan laut dan pemantauan termasuk misi mencari dan menyelamatkan, penguatkuasaan undang-undang sivil dan jenayah, langkah perundangan mengawal perikanan dan aktiviti ekonomi, pengeluaran permit dan lesen, serta tindakan berkaitan peraturan imigresen. Satu lagi penanda-aras yang penting ialah 'tarikh kritikal' (*critical date*), iaitu garis masa yang membezakan antara tindakan yang relevan untuk menetapkan/menentukan kedaulatan dan tindakan yang berlaku selepas tarikh tersebut. Tindakan selepas tarikh kritikal lazimnya tidak diambil kira sebagai tindakan berdaulat untuk tujuan pembuktian *animus occupandi*.

Namun demikian, wajar juga dinyatakan nuansa penting: tindakan pasca-tarikh kritikal tidak semestinya "sifar nilai" dalam semua keadaan. Dalam amalan penilaian bukti, tindakan pasca-pertikaian boleh mempunyai nilai pengesahan (*confirmatory value*) yang terhad. Contohnya apabila ia hanya meneruskan pola pentadbiran yang telah wujud lebih awal dan tidak mencipta tuntutan baharu secara *ad hoc*. Dengan erti kata lain, tindakan pasca-tarikh kritikal tidak berdiri sendiri untuk melahirkan *animus*, tetapi ia boleh mengukuhkan pembuktian *animus* yang telah dibina melalui tindakan pra-tarikh kritikal. Oleh itu, artikel ini boleh menegaskan standard/piawaiian berikut: (i) bukti pra-tarikh kritikal membentuk teras *animus occupandi*, manakala (ii) bukti pasca-tarikh kritikal hanya diterima selagi ianya konsisten, berterusan, dan bersifat pentadbiran rutin yang menerangkan

## **Pembuktian *Animus Occupandi* Bagi Pendudukan Berkesan (*Effective Occupation*) Di Pulau Layang-Layang: Analisis Ke Atas Kes Terdahulu**

kesinambungan autoriti negara. Akhirnya, pendudukan berkesan dibuktikan melalui gabungan *animus occupandi* dan kawalan berkesan. Unsur *animus occupandi* perlu diberi keutamaan kerana ia merupakan 'teras' yang mendasari motif dan objektif tindakan kedaulatan. Walaupun terdapat bukti pendudukan fizikal, ketiadaan niat dan kehendak untuk bertindak sebagai pemerintah berdaulat akan menjadikan pendudukan itu tidak berkesan.

### **Rujukan**

- Ahmad, M., & Mohd Sani, M. (2017). Chinas assertive posture in reinforcing its territorial and sovereignty claims in the South China Sea: An insight into Malaysia's stance. *Japanese Journal of Political Science*, 18 (1), 67 - 105. <https://doi.org/10.1017/S1468109916000323>.
- Brownlie, I. (2003). *Principles of public international law* (6th ed.). Oxford University Press.
- France v Mexico (Clipperton Island 26 AJIL 390, 28 Jan 1931}. (1932). <https://jsumundi.com/en/document/decision/pdf/fr-ile-de-clipperton-mexique-contre-france-sentence-wednesday-28th-january-1913>.
- Guillaume, G. (2011). The use of precedent by international judges and arbitrators. *Journal of International Dispute Settlement*, 2 (1), 5 - 23, <https://doi.org/10.1093/jnlids/idq025>.
- Hamid, A. G. (2007). *Public international law: A practical approach* (2nd ed., p. 112). Prentice Hall.
- Hasan, M. M., & He, J. (2019). Spratly Islands dispute in the South China Sea: Potential solutions. *Journal of East Asia and International Law*, 12 (1), 145 - 168. <https://doi.org/10.14330/jeail.2019.12.1.08>
- Legal Status of Eastern Greenland (Denmark v Norway, PCIJ series A/B, No. 53, April 5). (1933). [http://www.worldcourts.com/pcij/eng/decisions/1933.04.05\\_greenland.htm](http://www.worldcourts.com/pcij/eng/decisions/1933.04.05_greenland.htm)
- Mabo v Queensland (No. 2, 175 CLR 1, 32- 33). (1992). <http://www6.austlii.edu.au/cgi-bin/viewdoc/au/cases/cth/HCA/1992/23.html>
- Malanczuk, P. (1997). *Akerhurst's- Modern introduction to international law* (7th rev. ed.). Routledge. <https://doi.org/10.4324/9780203427712>
- Mitchell, R. (2016, March 29). Why Taiwan and China agree on South China Sea sovereignty. *The Diplomat*. <https://thediplomat.com/2016/03/why-taiwan-and-china-agree-on-south-china-sea-sovereignty/>
- Nasir, M., & Dahalan, W. S. A. W. (2017a). The implementation of sovereignty theory on the interest of Malaysia in the history of Spratly Island's disputes. *Journal of Law, Policy and Globalization*, 66, 9 - 14. <https://www.iiste.org/Journals/index.php/JLPG/article/download/39359/40468>

**Pembuktian *Animus Occupandi* Bagi Pendudukan Berkesan (*Effective Occupation*)  
Di Pulau Layang-Layang: Analisis Ke Atas Kes Terdahulu**

Nasir, M., & Dahalan, W. S. A. W. (2017b). The islands claimed by Malaysia in the Spratly Island: A review based on United Nations Convention on the Law of the Sea 1982. *Journal of Humanities and Social Sciences*, 22 (9), 7 - 17. <https://www.iosrjournals.org/iosr-jhss.html>

Netherlands v US (Island of Palmas Case, Reports of International Arbitral Awards, 4 April 1928, Vol. II, pp. 829 - 871). (2006). [https://legal.un.org/riaa/cases/vol\\_II/829-871.pdf](https://legal.un.org/riaa/cases/vol_II/829-871.pdf)

Nicaragua v Colombia (Preliminary Objections of the Republic of Colombia, International Court of Justice, Rep. 1, p. 32 para. 80). (2012). <https://www.icj-cij.org/public/files/case-related/154/18778.pdf>

Roach, J. A. (2014). *A CNA occasional paper-Malaysia and Brunei: An analysis of their claims in the South China Sea. CNA Analysis & Solutions*. [https://www.cna.org/archive/CNA\\_Files/pdf/iop-2014-u-008434.pdf](https://www.cna.org/archive/CNA_Files/pdf/iop-2014-u-008434.pdf)

*Sovereignty over Pedra Branca/Pulau Batu Puteh, Middle Rocks and South Ledge (Malaysia/Singapore) (Summary of the Judgment, International Court of Justice, 23 May 2008, Rep. 12, para 32)*. (2008). [https://www.kln.gov.my/pbp-icj/images/icj\\_judgment/14506.pdf](https://www.kln.gov.my/pbp-icj/images/icj_judgment/14506.pdf)

Stevens, K. (2018). Reasoning by precedent - between rules and analogies. *Legal Theory*, 24 (3), 216 - 254. <https://doi.org/10.1017/S1352325218000113>

UN General Assembly (25th sess.: 1970). (1971). *Declaration on the Principles of International Law concerning Friendly Relations and Cooperation among States in accordance with the Charter of the United Nations (1970)*. United Nations Digital Library. [https://digitallibrary.un.org/record/202170/files/A\\_RES\\_2625%28XXV%29-EN.pdf](https://digitallibrary.un.org/record/202170/files/A_RES_2625%28XXV%29-EN.pdf)

Zahraa, M. (1998). *Research methods for law postgraduate overseas students (p.16)*. Stiglow Sdn. Bhd.